

Dr. M setuju tempoh peralihan

25 JUN 2002

KUALA LUMPUR 24 Jun — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad kekal sebagai Perdana Menteri dan Presiden UMNO hasil formula 'tolak ansur' yang dipersetujui di Seri Perdana antara beliau dengan Jawatankuasa Pengurusan UMNO, semalam.

Butiran penuh persetujuan tersebut akan diumumkan oleh Timbalan Presiden UMNO, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi selepas mesyuarat khas Majlis Tertinggi (MT) parti itu, esok.

Utusan Malaysia difahamkan, persetujuan Dr. Mahathir itu hanya untuk satu jangka masa tertentu yang dianggap sebagai tempoh peralihan.

Para pemerhati yakin tempoh yang dipersetujui itu cukup untuk satu proses peralihan yang licin dan teratur.

Majlis Tertinggi akan mengesahkan formula itu dalam sidang khasnya pukul 4 petang esok.

Selepas mesyuarat itu, Abdullah akan memberi taklimat kepada Dewan Tertinggi Barisan Nasional (BN) tentang perkara yang sama.

Formula 'tolak ansur' itu dicapai selepas Jawatankuasa Pengurusan UMNO mengadakan pertemuan selama sejam dengan Dr. Mahathir di Seri Perdana, Putrajaya, pagi semalam. Dr. Mahathir berlepas ke Eropah untuk bercuti sebaik sahaja pertemuan itu selesai.

Dalam pertemuan semalam, jawatankuasa itu diketuai oleh Abdullah, tiga Naib Presiden Datuk Seri Najib Tun Razak, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Tan Sri Muhammad Muhd. Taib, Setiausaha Agung, Tan Sri Khalil Yaakob, Ketua Pergerakan Wanita UMNO, Datuk Seri Rafidah Aziz dan Ketua Pergerakan Pemuda, Datuk Hisammuddin Tun Hussein.

Hasrat

Formula itu dicapai bertujuan mengimbangi hasrat Perdana Menteri untuk meletakkan jawatan dengan hasrat rakyat yang mahukan Dr. Mahathir terus menerajui negara.

Difahamkan lagi, menerusi formula itu, jawatankuasa tersebut juga bersetuju untuk menerima apa sahaja langkah yang akan diambil oleh Dr. Mahathir bagi memantapkan lagi parti dan kerajaan selepas ini.

Sabtu lalu, Dr. Mahathir mencemaskan negara apabila membuat pengumuman mengejut semasa menggulung perbahasan pada hari terakhir Perhimpunan Agung UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra dengan meletakkan jawatan Presiden parti, Pengerusi Barisan Nasional (BN) dan semua jawatan dalam parti.

Bagaimanapun, keputusan itu ditarik balik dalam tempoh satu jam yang penuh mendebarkan setelah dipujuk oleh seluruh anggota Majlis Tertinggi.

Utusan Malaysia hari ini memetik Ketua Penerangan UMNO, Tan Sri Megat Junid Megat Ayub sebagai berkata bahawa semasa pertemuan itu berlangsung, Dr. Mahathir tetap bertegas untuk melepaskan jawatannya.

■ Lihat muka 4

Dr. M setuju tempoh peralihan

Alasan yang diberikan oleh **Perdana Menteri** kerana beliau telah terlalu **lama** berkhidmat iaitu 21 tahun dan mahu **menghabiskan masa** bersama keluarga dan cucu.

Anggota jawatankuasa **cuba** memujuknya menarik balik keputusan itu dengan **mengambil** kira perasaan rakyat dan negara.

“Beliau nampaknya memahami harapan ahli **parti** dan rakyat yang mahukannya terus berkhidmat. **Pada** masa **sama**, Dr. Mahathir **juga** mahu rakyat dan ahli **parti** memahami perasaannya yang **juga** mahu kan kebebasan sebagai rakyat **biasa**.”

“Akhirnya berlaku ‘tolak ansur’ antara kami dengan Dr. Mahathir dan tolak ansur itu akan diumumkan oleh **Timbalan Presiden** UMNO, Selasa ini (**esok**),” kata Megat Junid.

Sementara **itu**, Naib Presiden UMNO, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, **perbincangan** antara jawatankuasa pengurusan **parti** dengan Dr. Mahathir pagi semalam tidak boleh dianggap sebagai kompromi.

“**Tidak ada** tarik tali antara **kita** dengan Presiden (**Dr. Mahathir**). Itu bukan caranya. **Kita** sampaikan **hasrat** **kita** dan **kemahuan** rakyat, **kita** dengar dan dapat pandangan beliau dan itu yang akan **kita** sampaikan (kepada MT) esok,” katanya di **sini** hari ini.

Amanat

Beliau berkata, mesyuarat MT esok **juga** tidak akan menentukan kedudukan Dr. Mahathir, sebaliknya hanya akan mendengar beberapa amanat yang disampaikan **menerusi** Jawatankuasa Pengurusan yang **meneemuinya**.

“Ada beberapa perkara tertentu yang akan dibawa **kepada** MT **atas** arahan **Presiden** dan akan **dimaklumkan** oleh Timbalan Presiden. **Kita** **cuma** sampaikan balik,” **kata**nya.

Muhyiddin seterusnya menyifatkan **persetujuan** **Perdana Menteri** untuk **memper**timbang rayuan **para** pemimpin dan **ahli** UMNO itu sebagai satu **lagi** pengorbanan beliau untuk negara dan membuktikan **beliau** adalah pemimpin yang **amat** **bertanggungjawab**.

Ditanya apakah **alasan** yang diberikan oleh Dr. Mahathir untuk melepaskan **jawatarmya**, Muhyiddin berkata, selain untuk berehat, **sokongan** kukuh rakyat, kerajaan yang **stabil**, **ekonomi** yang **mantap** dan imej negara yang terserlah sebagai masa paling **tepat** untuk berundur.